

**D.R. 24/2011**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan seksyen 2**

2. Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [*Akta 521*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dalam takrif “keganasan rumah tangga”—

(i) dengan menggantikan perkataan “mana-mana perbuatan” dengan perkataan “satu perbuatan atau lebih”;

*Rang Undang-Undang*

- (ii) dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan (d);
  - (iii) dalam perenggan (e), dengan menggantikan koma dengan koma bertitik;
  - (iv) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:
    - “(f) menyebabkan penderaan psikologi yang termasuklah kecederaan emosi kepada mangsa;
    - (g) menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain tanpa kerelaan mangsa atau jika kerelaan diberikan, kerelaan itu diperolehi dengan cara yang menyalahi undang-undang; atau
    - (h) dalam hal jika mangsa adalah seorang kanak-kanak, menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan atau apa-apa bahan lain.”; dan
  - (v) dengan memasukkan selepas perkataan “oleh seseorang” perkataan “, sama ada dengan sendiri atau melalui pihak ketiga.”;
- (b) dengan menggantikan takrif “orang dewasa tidak berkeupayaan” dengan takrif yang berikut:
- “orang dewasa tidak berkeupayaan” ertinya seseorang yang pada keseluruhannya atau sebahagiannya tidak berkeupayaan atau lemah, oleh sebab kehilangan fizikal atau mental secara kekal atau sementara atau tidak sihat atau usia tua, yang tinggal sebagai seorang anggota keluarga orang yang dikatakan telah melakukan keganasan rumah tangga

itu, dan termasuklah mana-mana orang yang telah dikurung atau ditahan oleh orang yang dikatakan telah melakukan keganasan rumah tangga itu;’;

- (c) dengan memasukkan selepas takrif “orang dilindungi” takrif yang berikut:

‘ “pegawai kebajikan masyarakat” ertinya seseorang pegawai kebajikan masyarakat Kementerian atau Jabatan yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan dan termasuklah seseorang penolong pegawai kebajikan masyarakat;’;

- (d) dalam takrif “pegawai penguat kuasa”, dengan menggantikan perkataan “pegawai kebajikan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat” dengan perkataan “pegawai kebajikan masyarakat”;

- (e) dengan memasukkan selepas takrif “pegawai penguat kuasa” takrif yang berikut:

‘ “pegawai polis” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Polis 1967 [Akta 344];’;

- (f) dalam takrif “perintah perlindungan”, dengan menggantikan perkataan “Bahagian II” dengan perkataan “seksyen 5”;

- (g) dengan memasukkan selepas takrif “perintah perlindungan” takrif yang berikut:

‘ “perintah perlindungan interim” ertinya perintah yang dikeluarkan di bawah seksyen 4;’;

- (h) dengan memasukkan selepas takrif “saudara” takrif yang berikut:

‘ “tempat berlindung” ertinya mana-mana rumah, institusi atau mana-mana tempat lain yang sesuai yang penghuni atau pemunya bersedia untuk menerima seseorang mangsa buat sementara waktu;’; dan

- (i) dengan menggantikan takrif ‘ “tempat selamat” atau tempat berlindung’ ’ dengan takrif yang berikut:

‘ “tempat selamat” ertinya mana-mana rumah atau institusi yang disenggarakan atau diuruskan oleh Kementerian atau Jabatan yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan kebajikan atau oleh mana-mana agensi lain atau organisasi sukarela yang diluluskan oleh Menteri bagi maksud Akta ini.’.

### **Penggantian seksyen 3**

3. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 3 dengan seksyen yang berikut:

**“Akta hendaklah dibaca bersama dengan Kanun Keseksaan, dsb.**

3. Akta ini hendaklah dibaca bersama dengan Kanun Keseksaan [*Akta 574*] atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang melibatkan kesalahan yang berhubung dengan keganasan rumah tangga.”.

### **Pindaan Bahagian II**

4. Tajuk Bahagian II Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebelum perkataan “PERINTAH PERLINDUNGAN” perkataan “PERINTAH PERLINDUNGAN INTERIM DAN”.

### **Pindaan seksyen 4**

5. Seksyen 4 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Suatu perintah perlindungan interim hendaklah dibuat melalui suatu permohonan kepada mahkamah.”;  
dan

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Mahkamah dalam membuat suatu perintah perlindungan interim di bawah subseksyen (1) boleh memasukkan peruntukan yang melarang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada menghasut mana-mana orang lain untuk melakukan keganasan rumah tangga terhadap isteri atau suami atau bekas isteri atau suami atau kanak-kanak atau orang dewasa tidak berkeupayaan atau mana-mana anggota lain keluarga orang yang terhadapnya perintah itu dibuat, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Sesuatu perintah perlindungan interim hendaklah terhenti berkuat kuasa—

(a) setelah selesai penyiasatan itu; atau

(b) apabila prosiding jenayah yang berhubungan dengan perlakuan suatu kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga dimulakan terhadap orang yang terhadapnya perintah itu dibuat.”.

## **Pindaan seksyen 5**

**6.** Seksyen 5 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “prosiding” dengan perkataan “sesuatu permohonan”; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Mahkamah dalam membuat suatu perintah perlindungan di bawah perenggan (1)(a), (b) atau (c) boleh memasukkan peruntukan yang melarang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada menghasut mana-mana orang lain untuk melakukan keganasan rumah tangga terhadap orang yang dilindungi itu.”.

**Pindaan seksyen 6****7. Subseksyen 6(1) Akta ibu dipinda—**

(a) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) melarang atau menyekat orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada—

- (i) memasuki tempat selamat, tempat berlindung, tempat kediaman atau kediaman bersama atau kediaman alternatif, mengikut mana-mana yang berkenaan, mana-mana orang dilindungi;
- (ii) memasuki tempat kerja atau sekolah mana-mana orang dilindungi;
- (iii) memasuki mana-mana institusi lain yang mana-mana orang dilindungi ditempatkan;
- (iv) menghampiri mana-mana orang dilindungi pada jarak sekurang-kurangnya lima puluh meter atau pada apa-apa jarak yang difikirkan munasabah oleh mahkamah; atau
- (v) membuat hubungan diri dengan orang dilindungi itu selain dalam kehadiran seorang pegawai penguat kuasa atau seorang lain yang dinyatakan atau diperihalkan dalam perintah itu;” dan

(b) dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan “perhubungan bertulis atau telefon” dengan perkataan “perhubungan melalui apa jua cara”.

**Pindaan seksyen 7****8. Seksyen 7 Akta ibu dipinda—**

(a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “boleh” dengan perkataan “hendaklah”; dan

(b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Jika suatu kuasa menangkap disertakan menurut kuasa subseksyen (1), seseorang pegawai polis hendaklah menangkap tanpa waran orang yang terhadapnya perintah itu dibuat apabila berlaku satu keadaan atau lebih yang berikut:

(a) apabila terdapat suatu laporan keganasan rumah tangga dibuat oleh orang dilindungi di bawah perintah perlindungan interim atau perintah perlindungan kepada mana-mana pegawai polis;

(b) apabila pegawai polis itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa orang yang terhadapnya perintah itu dibuat telah melanggar—

(i) perintah yang dikeluarkan di bawah subseksyen 4(1) atau 5(1); atau

(ii) mana-mana perintah yang dibuat menurut perenggan 6(1)(a) atau (b); atau

(c) apabila orang yang terhadapnya perintah itu dibuat memasuki mana-mana tempat yang dilarang di bawah perintah itu.”.

## **Pindaan seksyen 10**

**9.** Seksyen 10 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 10(2)(a) dengan perenggan yang berikut:

“(a) kesakitan dan penderitaan mangsa itu, dan jenis dan takat kecederaan fizikal atau penderaan psikologi yang termasuklah kecederaan emosi yang dialami;”.

**Pindaan seksyen 11****10. Seksyen 11 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Mahkamah boleh, dalam apa-apa permohonan yang perintah perlindungan diminta, sebagai ganti atau sebagai tambahan kepada mengeluarkan perintah perlindungan, membuat suatu perintah untuk merujuk pihak-pihak yang berkenaan kepada suatu badan pendamai.”;

- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Badan pendamai yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah mengemukakan suatu laporan berserta dengan syornya kepada mahkamah dalam tempoh satu bulan dari tarikh rujukan itu.

(1B) Mahkamah boleh, setelah menimbang laporan dan syor yang dikemukakan kepadanya di bawah subseksyen (1A), memerintahkan satu pihak atau lebih dirujuk kepada terapi pemulihan, psikoterapi atau apa-apa kaunseling pendamaian yang difikirkannya sesuai.”;

- (c) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “perenggan (1)(a) atau (b)” dengan perkataan “subseksyen (1) atau (1B)”; dan
- (d) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “subseksyen (1)” perkataan “atau (1B)”.

**Pindaan Bahagian IV**

**11.** Tajuk Bahagian IV Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “TATACARA MENGENAI” dengan perkataan “PERINTAH PERLINDUNGAN INTERIM DAN”.



## **Seksyen baru 12A dan 12B**

**12.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 12 seksyen yang berikut:

### **“Permohonan *ex-parte***

**12A.** Suatu perintah perlindungan interim yang diminta di bawah seksyen 12 hendaklah dibuat secara *ex-parte* oleh—

- (a) pemohon;
- (b) peguam pemohon itu; atau
- (c) seorang pegawai kebajikan masyarakat bagi pihak pemohon itu.

### **Mengetepikan perintah perlindungan interim**

**12B.** Orang yang terhadapnya perintah perlindungan interim itu dibuat boleh memohon untuk mengetepikan perintah itu dalam masa empat belas hari dari tarikh perintah itu disampaikan.”.

## **Penggantian seksyen 14**

**13.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 14 dengan seksyen yang berikut:

### **“Memfailkan permohonan**

**14.** Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis mengenai bidang kuasa wilayah mahkamah, suatu permohonan bagi suatu perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim yang melibatkan aduan keganasan rumah tangga boleh difailkan di dalam mana-mana daerah di mana—

- (a) pengadu itu tinggal;
- (b) orang yang terhadapnya perlindungan yang diminta itu tinggal;

- (c) keganasan yang dikatakan itu berlaku; atau
- (d) pengadu itu ditempatkan buat sementara,

dan permohonan itu hendaklah didengar oleh mahkamah secepat yang dapat dilaksanakan.”.

### **Pindaan seksyen 15**

**14.** Seksyen 15 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “Aduan” dengan perkataan “Permohonan”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “aduan, aduan” dengan perkataan “suatu permohonan di bawah seksyen 14, permohonan”.

### **Pindaan seksyen 16**

**15.** Seksyen 16 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “aduan”, di mana jua terdapat, dengan perkataan “permohonan”.

### **Penggantian seksyen 17**

**16.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 17 dengan seksyen yang berikut:

#### **“Bukti penyampaian perintah perlindungan**

**17.** (1) Dalam masa dua puluh empat jam dari pengeluaran sesuatu perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim, mengikut mana-mana yang berkenaan, mahkamah yang mengeluarkan perintah itu hendaklah mengemukakan suatu salinan perintah itu kepada pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis di mana pesalah itu tinggal atau mana-mana pegawai polis di bawah perintahnya.

(2) Pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis atau mana-mana pegawai polis di bawah perintahnya yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah memfailkan bukti penyampaian perintah itu dengan mahkamah itu dalam masa tujuh hari selepas penyampaiannya.”.

## **Seksyen baru 17A**

17. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 17 seksyen yang berikut:

### **“Penyampaian ganti**

**17A.** (1) Sekiranya pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis atau mana-mana pegawai polis lain di bawah perintahnya yang disebut dalam seksyen 17 tidak dapat menyampaikan salinan perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim itu kepada pesalah itu sendiri selepas tiga kali cubaan, pegawai yang berkenaan hendaklah dengan serta-merta membuat permohonan bertulis kepada mahkamah bagi suatu perintah penyampaian ganti perintah itu.

(2) Apabila permohonan di bawah subseksyen (1) diterima, mahkamah hendaklah membuat suatu perintah bagi penyampaian ganti perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim itu—

- (a) dengan meninggalkan suatu salinan perintah itu di alamat pesalah itu yang terakhir diketahui;
- (b) dengan menampalkan suatu salinan perintah itu di papan notis mahkamah; atau
- (c) dengan apa-apa cara lain yang diarahkan oleh mahkamah.

(3) Penyampaian ganti salinan perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2) hendaklah dilaksanakan oleh mahkamah dan hendaklah disifatkan sebagai penyampaian perintah itu yang baik dan mencukupi kepada pesalah itu.

(4) Penyampaian ganti yang dilaksanakan di bawah subseksyen (3) hendaklah dimaklumkan kepada pemohon oleh mahkamah secepat yang dapat dilaksanakan.”.

**Seksyen baru 18A**

**18.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 18 seksyen yang berikut:

**“Kesalahan boleh tangkap**

**18A.** Kesalahan melibatkan keganasan rumah tangga hendaklah disifatkan sebagai kesalahan boleh tangkap.”.

**Pindaan seksyen 19**

**19.** Perenggan 19(1)(a) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “aduan” dengan perkataan “suatu permohonan bagi perintah perlindungan interim”.

**Pindaan seksyen 20**

**20.** Perenggan 20(2)(b) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “aduan” dengan perkataan “permohonan”.

---

**HURAIAN**

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (“Akta 521”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 521 untuk memasukkan takrif baru dan meminda takrif tertentu yang sedia ada yang digunakan dalam Akta 521. Antara lain, takrif “keganasan rumah tangga” dipinda untuk memasukkan perbuatan yang menyebabkan penderaan psikologi yang termasuklah kecederaan emosi kepada mangsa dan menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 521 untuk menyatakan dengan khusus bahawa peruntukan Akta 521 hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan Kanun Keseksaan atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang melibatkan keganasan rumah tangga.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda Bahagian II Akta 521 untuk menggambarkan ruang lingkup perkara yang dimaksudkan oleh Bahagian II.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 4 Akta 521 untuk menyatakan cara yang dengannya suatu perintah perlindungan interim boleh diminta. Dalam membuat perintah demikian, mahkamah diberi kuasa untuk memasukkan peruntukan yang melarang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada menghasut mana-mana orang lain untuk melakukan keganasan rumah tangga terhadap isteri atau suaminya, bekas isteri atau bekas suaminya atau anaknya atau orang dewasa tidak berkeupayaan atau mana-mana anggota keluarganya yang lain. Pindaan ini juga bertujuan untuk memperuntukkan keadaan bila perintah perlindungan interim terhenti berkuat kuasa.

7. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda subseksyen 6(1) Akta 521 untuk memperluas ruang lingkup suatu perintah perlindungan. Dengan pindaan itu, tempat selamat dan tempat berlindung dimasukkan ke dalam senarai tempat yang orang yang terhadapnya perintah perlindungan itu dibuat dilarang atau disekat daripada memasukinya. Juga, suatu perintah boleh dibuat untuk melarang atau menyekat orang itu daripada berhubung melalui apa-apa jua cara dengan orang dilindungi.

8. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 7 Akta 521 untuk mewajibkan mahkamah melampirkan waran tangkap bersama dengan perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim sekiranya mahkamah berpuas hati bahawa orang yang terhadapnya perintah itu dibuat berkemungkinan akan menyebabkan kecederaan fizikal sebenar kepada orang yang dilindungi. Ia juga bertujuan untuk menyatakan hal keadaan yang membolehkan seseorang pegawai polis menangkap tanpa waran orang yang terhadapnya perintah itu dibuat.

9. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 10 Akta 521 untuk membolehkan mangsa keganasan rumah tangga membuat tuntutan pampasan bagi penderaan psikologi yang termasuklah kecederaan emosi yang dialaminya.

10. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 11 Akta 521 untuk memberi mahkamah kuasa untuk membuat perintah bagi merujuk pihak-pihak dalam permohonan perintah perlindungan kepada suatu badan pendamai. Ia juga bertujuan untuk menghuraikan peranan badan pendamai dalam mengesyorkan pihak-pihak yang dirujuk kepadanya oleh mahkamah untuk menjalani terapi atau kaunseling yang bersesuaian.

11. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda tajuk Bahagian IV Akta 521 untuk menggambarkan ruang lingkup perkara yang dimaksudkan oleh Bahagian itu.

12. *Fasal 12* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 12A dan 12B ke dalam Akta 521. Seksyen 12A menyatakan bahawa permohonan bagi perintah perlindungan interim hendaklah dibuat secara *ex-parte* dan seksyen 12B adalah berhubung dengan pengetepian perintah yang diperolehi itu.

13. *Fasal 13* bertujuan untuk menggantikan seksyen 14 Akta 521 bagi membenarkan permohonan bagi perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim difailkan di mana-mana mahkamah tanpa mengira bidang kuasa wilayah mahkamah itu supaya memudahkan pemohon mendapatkan bantuan undang-undang. Dalam hal ini, mahkamah dikehendaki mendengar permohonan itu secepat yang dapat dilaksanakan.

14. *Fasal 16* bertujuan untuk meminda seksyen 17 Akta 521 untuk membenarkan mana-mana pegawai polis lain di bawah perintah pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis di mana pesalah tinggal selain pegawai yang bertanggungjawab bagi daerah polis itu sendiri untuk menyampaikan suatu salinan perintah itu kepada pesalah. Ia juga bertujuan untuk membenarkan supaya mahkamah lebih fleksibel dalam menetapkan mana-mana pegawai mahkamah dan tidak semestinya Pendaftar untuk mengeluarkan perintah sedemikian sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 17 Akta 521 yang sedia ada. Pindaan ini memudahkan penyampaian perintah perlindungan dan pemfailan bukti penyampaian perintah itu dengan mahkamah oleh pihak polis.

15. *Fasal 17* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 17A ke dalam Akta 521 bagi membenarkan penyampaian perintah perlindungan dan perintah perlindungan interim dibuat melalui penyampaian ganti.

16. *Fasal 18* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 18A ke dalam Akta 521 untuk memperuntukkan bahawa suatu kesalahan keganasan rumah tangga hendaklah disifatkan sebagai suatu kesalahan boleh tangkap.

17. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil dan berbangkit.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U<sup>2</sup>)2748]